- Ho₃₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Kecerdasan Menghadapi Kesukaran (KMK) GPI aspek hubungan dengan pentadbir sekolah berdasarkan faktor taraf ikhtisas.
- Ho₃₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Kecerdasan Menghadapi Kesukaran (KMK) GPI aspek hubungan dengan rakan kerja berdasarkan faktor taraf ikhtisas.
- Ho₃₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Kecerdasan Menghadapi Kesukaran (KMK) GPI aspek hubungan dengan murid berdasarkan faktor taraf ikhtisas.

1.7. Batasan kajian



Rajah 1.1 : *Batasan Kajian Kecerdasan Menghadapi Kesukaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Negeri Perak 2016*

Penyelidikan yang dijalankan adalah membabitkan Guru Pendidikan Islam yang menerima latihan ikhtisas perguruan dalam pengkhususan Pendidikan Islam yang bertugas Sekolah Kebangsaan di dalam 10 daerah di negeri Perak . Daerah terlibat ialah Daerah Batang Padang, Hilir Perak, Manjung, Perak Tengah, Kinta Selatan, Kinta Utara, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama, Kerian, Kuala Kangsar dan Hulu Perak.

Kajian ini tidak membabitkan Guru j QAF atau Guru Tambahan Pendidikan Islam (GTPI) Pendidikan Khas . Kumpulan sasar kajian ini juga adalah merupakan Guru Pendidikan Islam yang bertugas di sekolah Kebangsaan di seluruh negeri Perak dan tidak membabitkan mereka yang bertugas di sekolah menengah atau Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

1.8. Kepentingan kajian

Kajian berkaitan tahap kecerdasan Menghadapi Kesukaran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam terhadap kesukaran menjalankan tugas amat penting kerana ia dapat mengukur sejauh mana Kecerdasan Menghadapi Kesukaran kalangan Guru Pendidikan Islam dalam menjalankan proses pengajaran di sekolah melalui pemboleh ubah aspek tahap kecerdasan, kesedaran dan kefahaman terhadap kesukaran yang dihadapi, selain berkaitan dengan tahap persediaan dan tindakan-tindakan menghadapi kesukaran yang timbul berdasarkan konstruk berkaitan Kecerdasan Menghadapi Kesukaran oleh Stolz (1997) dan Shen (2014). Seterusnya kajian ini juga melihat bentuk tindakan menghadapi kesukaran yang diamalkan oleh Guru Pendidikan Islam sebagaimana cadangan dimensi CO₂RE oleh Stolz (1997) dan LEAD oleh Stolz (1997).

Selain itu, kajian ini juga amat penting kerana turut melihat samada terdapat perbezaan tahap kecerdasan menghadapi kesukaran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam sebagai sampel kajian berdasarkan pemboleh ubah jantina, taraf akademik dan kelayakan ikhtisas yang disesuaikan daripada instrumen pengukuran tahap tindak balas menghadapi kesukaran AQ Profile oleh Stolz (2000) kerana belum ada sebarang kajian yang sama pernah dijalankan samada melibatkan responden Guru Pendidikan Islam dan juga lokasi kajian iaitu di negeri Perak.

Disamping mengenalpasti kekuatan yang ada pada sumber manusia bagi Pendidikan Islam, kajian ini juga diharap boleh membantu mengenalpasti kelemahan-

kelemahan dalam aspek kekuatan mental dan psikologi dan elemen penambahbaikan yang boleh dicadangkan bagi meningkatkan kualiti Guru Pendidikan Islam samada yang sedang dilatih atau yang telah bertugas. Kajian ini adalah berbentuk kajian lapangan dan terus kepada senario semasa pendidikan berdasarkan kaedah, metodologi, populasi dan sampel yang ditentukan.

Oleh itu ia diharapkan dapat mencapai tahap keesahan yang diterima dan membantu menambahkan maklumat dan sumber penyelidikan berkaitan Pendidikan Islam kepada Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Latihan Perguruan, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta yang terbabit dan menyediakan kursus atau penyelidikan pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

1.9. Teori berkaitan kajian

Teori secara umumnya merupakan satu sistem pernyataan yang menjelaskan serangkaian hal. Terdapat tiga kriteria utama yang terkandung dalam sesuatu teori iaitu pernyataan yang bersifat memadukan, pernyataan yang mengandungi kaedah-kaedah umum dan pernyataan yang bersifat meramalkan. (Noor Hisham Md. Nawawi, 2011).

Terdapat beberapa teori yang amat berkaitan dengan kecerdasan manusia berdasarkan bidang psikologi (Juniarso 2008). Antara beberapa teori yang didapati

berkaitan dengan skop kajian yang sedang penyelidik jalankan adalah seperti Teori Kecerdasan Umum oleh Charles Spearman, Teori Kecerdasan Cair dan Kecerdasan Kristal oleh John Horn dan Raymond Cattell, Teori Kecerdasan Proksimal oleh Leo Vygotsky, Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran oleh Paul G Stolz, Teori Kecerdasan Tri Tunggal oleh R.J Stenberg, Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman, Teori kecerdasan Spiritual oleh Zohan dan Marshall serta Teori Kecerdasan Majmuk atau Multiple Inteligences oleh Howard Gardner.

Walaubagaimanapun dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik telah mengenalpasti dan memilih 2 teori yang ada hubungan yang signifikan dan berkaitan iaitu Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran oleh Paul G. Stolz dan Teori Kecerdasan Akal oleh Ibnu Khaldun yang diuraikan dalam kitab Muqaddimah yang merupakan pengantar kepada Kitab "al I'bar wa Diwan al Muftada' wal Khabar fi ayyam al 'Arabi wal Barbar wa man atsaruhum min zawi sultan al Akbar".

Selain itu, amat penting sekali penyelidikan ini merujuk kepada teori-teori atau asas pemikiran manusia berdasarkan perspektif Islam. Walaupun teori-teori ini tidak dinyatakan secara langsung sebagai teori berkaitan Kecerdasan Menghadapi Kesukaran tetapi idea dan prinsipnya amat signifikan bahkan lebih mendalam kerana turut melibatkan peranan dan fungsi agama yang memandu akal dan perbuatan manusia disamping tidak menolak peranan usaha dan ikhtiar manusia.

Antara prinsip atau teori yang berkaitan ialah, Teori Akal Manusia oleh Ibnu Sina dan Teori Imam Al Ghazali berkaitan akal manusia sebagaimana dinyatakan Taufik

Pasiak (2009). Selain itu, pandangan an Najati (2012) yang menghubungkan pemikiran psikologi umum dengan psikologi Islam juga amat membantu untuk membangunkan kajian yang lebih kukuh selain pandangan Tohirin (2005) melalui Alternatif Pemecahan Kesulitan.


1.8.1. Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran (Adversity Quotient) oleh Paul G. Stolz

Adversity daripada aspek bahasa bererti cabaran, halangan, kesulitan, dan penderitaan. Menurut terminologi psikologi, *Adversity Quotient* (AQ) merujuk kepada kecerdasan seseorang pada saat menghadapi segala kesukaran. Sebagai analogi, ia digambarkan seseorang mencuba untuk tetap bertahan menghadapinya, sebahagian lagi mudah menyerah. Ia juga boleh difahami sebagai tahap kemampuan kecerdasan seseorang untuk bertahan menghadapi kesulitan dan mampu mengatasi cabaran.

Sebagaimana yang diungkapkan Stoltz (2000) *Adversity Quotient* merupakan kecerdasan seseorang dalam menghadapi rintangan atau kesulitan secara teratur dan membantu individu memperkuat kemampuan dan ketekunan dalam menghadapi cabaran hidup sehari-hari seraya tetap berpegang teguh pada prinsip dan impian tanpa memperdulikan apa yang akan terjadi.

Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran seseorang dapat diukur dari kemampuan orang tersebut mengatasi masalah yang dialami dalam hidup. Kecerdasan

Menghaapi Kesukaran seseorang menurut Paul G. Stolz dapat diklasifikasikan menjadi berbagai 3 ciri dan sifat iaitu pertama quitter (berhenti) atau Low- AQ, kedua camper (berkemah) atau moderat - AQ dan ketiga climber (Pendaki) atau High- AQ (Shofiyatus Saidah dan Lailatuzzahro , 2014)



Rajah 1.2 : *Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran atau Adversity Quotient oleh Paul G. Stolz (1997)*

Kajian berkaitan Kecerdasan Menghadapi Kesukaran yang diperkenalkan oleh Paul G. Stolz dikenali sebagai Adversity Quotient (AQ), iaitu tingkat kecerdasan seseorang untuk tetap bertahan hidup. Seseorang yang memiliki tingkat AQ tinggi akan tetap bersemangat menghadapi dan menjalani kehidupan ini, sekalipun berbagai rintangan dan cabaran harus dilalui. Sementara itu, seseorang yang memiliki tingkat AQ rendah akan mudah putus asa dan mudah menyerah dalam menghadapi dan menjalani rintangan dan cabaran dalam kehidupan ini. Individu harus berupaya meningkatkan tingkat Adversity Quotient (AQ) agar ia tetap mampu memupuk kemandirian dalam menghadapi berbagai kesulitan hidup.

Perkembangan Adversity Quotient (AQ) ini sangat berkait rapat dengan perkembangan kecerdasan emosi seseorang. Dalam erti kata lain, Adversity Quotient



(AQ) hampir sama dengan konsep Emotional Quotient (EQ) yang mana seseorang dapat mengasah dan mengembangkan potensi dan bakat ini sepanjang perkembangan hidupnya. Individu dengan kecerdasan tinggi dalam menghadapi kesulitan dapat digambarkan sebagai peribadi yang disiplin, dinamis, pekerja keras, mampu bekerja cepat, dan mampu bekerja dalam persekitaran kerja yang penuh dengan tekanan.

Gambaran tersebut tentunya menjadi sebahagian daripada soft skills yang harus dikembangkan agar ia mampu menangani cabaran atau persaingan dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan ini. Adversity Quotient (AQ) juga boleh dilihat sebagai bidang ilmu yang menganalisis kegigihan manusia dalam menghadapi setiap cabaran seharian.



Kebanyakan manusia tidak hanya belajar dari cabaran atau kesukaran yang dihadapi sahaja, sebaliknya, mereka akan turut bertindakbalas terhadap cabaran dan halangan tersebut dalam usaha untuk memperolehi hasil atau pencapaian yang lebih baik. Dalam dunia pekerjaan contohnya, seseorang pekerja yang memiliki kecerdasan menghadapi kesukaran yang tinggi berpotensi untuk meningkatkan tahap produktiviti, memiliki daya inovasi dan tahap moral yang lebih tinggi.

Dalam konteks ini, Adversity Quotient (AQ) dapat dilihat dari tiga sudut pandangan iaitu teori, daya ukur dan metodologi. Secara teori, Adversity Quotient (AQ) menjelaskan mengapa beberapa orang lebih berdaya tahan berbanding yang lain. Dengan kata lain apa, mengapa dan bagaimana mereka berkembang dengan baik walaupun dalam keadaan yang serba sulit. Dalam bidang pengukuran, Adversity Quotient (AQ) boleh



digunakan untuk menentukan atau menyaring para pembeli atau pelanggan dan dalam konteks kajian ini merujuk kepada pelajar, ibubapa dan komponen pendidikan selain untuk mengembangkan daya kegigihan seorang pekerja atau guru itu. Sebagai metodologi, Adversity Quotient (AQ) juga dapat berfungsi untuk meningkatkan daya kerja, kesihatan, inovasi, akuntabiliti, fokus, dan keberkesanan seseorang pekerja atau guru.

Kesimpulannya Adversity Quotient (AQ) adalah penentu kejayaan seseorang untuk mencapai puncak pendakian. Secara analogi, dalam proses untuk melakukan pendakian, seseorang pendaki akan menghadapi pelbagai halangan, cabaran dan kesulitan. Semuanya ini tidak akan mampu dihadapi dengan hanya bergantung kepada kemampuan intelektual sahaja tetapi juga perlu dengan bantuan kecerdasan emosional, spiritual dan juga fizikal. Maka Adversity Quotient (AQ) memperlihatkan bagaimana seseorang menghadapi halangan, cabaran, kesulitan serta perubahan-perubahan yang bakal dihadapinya dengan menggunakan segala aspek kecerdasannya samada mental, fizikal, emosi, spiritual dan komunikasi dengan persekitarannya.

Orang yang memiliki Adversity Quotient (AQ) tinggi tidak akan takut dalam menghadapi berbagai kesukaran, halangan, cabaran, kesulitan yang dihadapinya dalam pendakiannya, malahan akan berusaha menukarkannya menjadi peluang untuk kejayaan. Guru Pendidikan Islam yang memiliki tingkat Kecerdasan Menghadapi kesukaran tinggi akan tetap bersemangat menghadapi dan menjalani kehidupan ini, sekalipun berbagai rintangan dan cabaran harus dilalui. Sementara itu, seseorang yang



memiliki tingkat Kecerdasan Menghadapi kesukaran rendah akan mudah putus asa dan mudah menyerah dalam menghadapi kesukaran.

Banyak kajian lanjutan atau kajian berkaitan Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran oleh Stolz 1997 ini telah dijalankan oleh penyelidik samada bidang psikologi, pengurusan dan pentadbiran perniagaan selain dalam bidang pendidikan.

1.8.2. Teori Kecerdasan Manusia Ibnu Khaldun.

Ibn Khaldun merupakan antara tokoh pemikir Islam yang dominan dan mempunyai pengaruh dari aspek pemikiran bukan sahaja di dunia Islam dan Timur malah menjangkaui pemikiran falsafah dan sosiologi barat khususnya di Eropah. Sebagaimana Ibn Sina dalam bidang perubatan, al Farabi dalam kesenian dan falsafah, Ibnu Khaldun juga telah diletakkan di dalam sejarah keilmuan dan kemasyarakatan.

Nama sebenar Ibnu Khaldun ialah Waliuddin Abdul Rahman ibnu Muhammad Ibnu al Hasan ibnu al Jabir ibnu Muhammad ibnu Ibrahim ibnu Abdul Rahman ibnu Khaldun. Beliau dilahirkan di Tunisia pada tahun 1332 masihi. Keluarganya adalah dari keturunan Arab tulin yang berasal dari Yaman dan berhijrah ke Andalusia bersama gelombang perkembangan wilayah islam di sana. Keluarganya menetap di Karmuna sebelum berpindah ke Asbily. Kemasyhuran nama Khaldun diambil sempena nama



datunya Khalid bin Usman yang lebih dikenali dengan nama “ Khaldun” dan keluarga mereka digelar Bani Khaldun (an Na'miy 1994)

Pada penghujung abad ke 3 hijrah, keadaan huru-hara berlaku akibat peperangan dan pergolakan politik di Andalusia. Peperangan ini berlaku di zaman pemerintahan Abdullah bin Muhammad bin Abdul Rahman daripada dinasti Umayyah 274 – 300 hijrah (808-833 masihi). Kekacauan yang berlaku mengakibatkan kejatuhan penguasaan Kuraib yang juga salah seorang daripada nenek moyang Ibnu Khaldun yang menguasai Asybili.

Akibat kejatuhan pemerintahan Kuraib, Bani Khaldun hilang pengaruh, kemuliaan dan kekuasaan. Walaubagaimanapun ketika pemerintahan Ka'ab bin Iyad di Asybili berikutnya, sebahagian keluarga Ibnu Khaldun telah menyertai kerajaan ini dalam urusan pemerintahan sehinggalah kekuasaan Andalusia beralih kepada al Murabitun (Angkatan Bergabung). Sejak itu, Bani Khaldun mula hilang pengaruh sedikit demi sedikit.

Pengaruh mereka kembali meningkat setelah Andalusia dikuasai oleh golongan Muwahhidun (Pendokong Tauhid) pada tahun 541 hijrah (1146 masihi). Ketika kejatuhan Kerajaan Muwahhidun dan umat Islam di tangan tentera Eropah, maka umat Islam di Andalusia mula meninggalkan negara tersebut termasuklah Bani Khaldun yang berhijrah ke Tunisia diutara Afrika(an Na'miy 1994).

Ibnu khaldun dilahirkan pada Ramadhan 732 hijrah (1332 masihi) ketika keadaan keluarga Bani Khaldun mempuyai hubungan baik dan menduduki kemuncak pengaruh semasa pemerintahan Dinasti Hafsi di Tunisia . Datuk beliau yang pertama telah diberi kuasa pemerintahan wilayah Bijayah di pesisir Laut Putih sementara datuknya yang kedua menguasai urusan-urusan kementerian. Bapa Ibnu Khaldun pula sebaliknya memilih jalan untuk memencilkan diri daripada politik dan pentadbiran serta lebih cenderung untuk mencari ilmu pengetahuan.

Ibnu Khaldun mendapat pendidikan asas daripada bapa beliau sendiri yang juga merupakan seorang ulama. Selain itu beliau juga mempelajari bahasa daripada Abu Abdullah Muhammad Ibnu al Arabi al Hasyasyi, Abu al Abbas Ahmad ibnu al Qassar dan Abu Abdullah ibnu Bahar, beliau mempelajari hadis daripada Syamsuddin Abu Abdullah al Wadiyasi dan menuntut ilmu fiqh daripada al Jiyan dan Abu Qahiri. Selain daripada itu Ibnu Khaldun juga mempelajari ilmu teologi, logika, geografi , matematik dan astronomi daripada al Abili.

Sejarah dan penglibatan Ibnu Khaldun dalam dunia pendidikan memang unik. Ini kerana beliau bukan sekadar mengembangkan wacana dan idealisma sebagaimana ilmuwan lain, sebaliknya beliau sendiri secara langsung merupakan pendidik dan pernah menjadi guru besar (Walidin, 1997). Beliau merupakan tokoh sosiologi Islam yang ulung dan merupakan orang yang memperkenalkan sains sosial sejak 1377 yang termasuk di dalamnya bidang psikologi sebagaimana disimpulkan oleh Ibn Ba Yunus dan Farid Ahmad (Ahmad Amri Zainal Adnan, 2009).

Umum mungkin berpendapat bahawa al Ghazali mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam bidang psikologi Islam berdasarkan pemikiran, teori dan hasil penulisan beliau yang konsisten dalam bidang tersebut sedang Ibn Khaldun dilihat lebih tertumpu kepada bidang kemasyarakatan dan pendidikan. Walaubagaimanapun, Ibn khaldun sebagaimana al Ghazali tidak kurang penglibatannya dalam pendidikan yang di dalamnya termasuk menjadi tenaga pengajar di sekolah- sekolah dan Maktab di Kaherah serta Masjid al Azhar. Selain itu menurut an Na'miy (1994), Ibn Khaldun mempunyai minat dan sumbangan yang besar kepada bidang pendidikan selain bidang kehakiman sejeurus selepas menjauhkan diri daripada bidang politik yang diceburinya selama lebih 25 tahun di wilayah Granada, Sepanyol dan Maghribi.

Di Kaherah, Ibnu Khaldun mula membabitkan diri dalam bidang pengajaran apabila beliau diminta untuk menyampaikan pengajaran bidang Fiqh Mazhab Maliki. Menurut catatan beliau di dalam Muqaddimah Ibn Khaldun sebagaimana dicatatkan oleh an Na'miy (1994)

“Apabila saya memasuki kaherah, saya menetap beberapa hari dan ramai penuntut yang datang berjumpa saya untuk mengambil faedah beserta kurangnya perbekalan. Mereka tidak memberi ruang kepada saya untuk menyatakan keuzuran. Maka saya pun duduk memberikan pengajaran di Masjid al Azhar”

Selain itu, beliau turut menjadi tenaga pengajar bidang hadis di mana beliau menetapkan penggunaan kitab al Muwatta' karya Imam Malik dengan menganggapnya sebagai usul atau asas kepada pengejaran as Sunnah dan ibu kepada



segala pelajaran hadis yang menjadi rujukan bagi yang ingin mendalami mazhab Imam Malik. Ibnu Khaldun juga pernah terbabit dalam pengajaran dalam pendidikan kesufian apabila telah diamanahkan untuk mengendalikan Pusat Pengajian Sultan Bibras yang waktu dianggap sebagai salah satu pusat pengajian Sufi yang terkenal (an Na'miy, 1994).

Ibnu Khaldun dalam konteks seorang pendidik banyak mencurahkan kesungguhan dan penat lelah dalam menghadapi persoalan pengajaran dan dalam konteks sekarang merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang antaranya ialah mengambil berat terhadap kebajikan para pelajarnya dan campur tangan dalam menangani kesulitan dan masalah yang mereka hadapi. Oleh kerana penglibatan beliau yang luas dalam pendidikan di barat dan timur, beliau memiliki banyak pengalaman dan pandangan yang kemudiannya melahirkan teori-teori, kaedah-kaedah dan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Malakah, Fungsi Akal Manusia, idea perbezaan individu manusia, beberapa manhaj pendidikan dan juga pandangan kritis serta penolakan beliau terhadap amalan kekerasan terhadap murid dalam pengajaran dan pembelajaran (an Na'miy, 1994).

Ibnu Khaldun menentang keras pendekatan kekerasan oleh guru dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran walau dengan apa jua alasan atau sebab. Menurut beliau kekesaran atau kekerasan dalam pendidikan terhadap pelajar akan membawa akibat buruk kepada jiwa pelajar dan menjejaskan perkembangan peribadi disamping membuka jalan ke arah sifat negatif dalam diri pelajar seperti malas, takut,



tidak amanah dan menipu kerana perasaan takut atau marah terhadap guru (Walidin, 1997).

Sebagai seorang ahli psikologi pula, Ibnu Khaldun telah merumuskan bahawa akal merupakan entiti paling besar dalam potensi psikologi pembelajaran kekuatan akal manusia yang berada di sebalik pancaindera (al hawwas) mampu menjalankan proses membayangkan, mengingat, menaakul, analisis dan sintesis setiap rangsangan yang wujud di sekitar manusia (Walidin, 1997).

Ibn Khaldun membahagikan perkembangan kecerdasan akal manusia kepada tiga tingkatan hirarki iaitu Kecerdasan Tamyizi, Kecerdasan Tajribi dan Kecerdasan Nazori (Ibnu Khaldun, 1993). Tingkatan kecerdasan Tamyizi menurut Ibnu Khaldun merupakan pemahaman intelektual manusia terhadap segala sesuatu yang berada di luar alam semesta dalam tatanan alam atau tata yang berubah-ubah, dengan maksud supaya di dapat mengadakan aturan dengan sokongan kemampuannya sendiri. Bentuk pemikiran sebegini kebanyakannya adalah berbentuk tanggapan-tanggapan atau persepsi. Iniiialah kemampuan pembeza (at tamyizi) yang mana melalunya manusia memperoleh segala sesuatu yang bermanfaat bagi diriya dan penghidupnya, serta menolak segala sesuatu yang memudaratkan dirinya. (Ibnu Khaldun, 1993).

Kecerdasan Tamyizi atau discerning intellect merujuk kepada kemampuan akal manusia untuk merasai objek di luar dirinya termasuk ciri-ciri dan keistimewaannya sehingga dapat mengambil manfaat daripadanya atau mencegah mudarat

melaluinya. Bentuk kecerdasan pemikiran ini sering berbentuk persepsi atau tasawwur. Ibnu Khaldun menamakan tingkatan ini sebagai tamyizi kerana kecerdasan manusia pada tahap ini membantu manusia untuk mendapatkan sesuatu yang boleh memberi faedah atau manfaat untuk kehidupannya dan menolak sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada dirinya (Walidin, 1997)

Kecerdasan Tajribi atau experimental intellect pula merujuk kemampuan seseorang untuk membezakan yang baik dan buruk melalui pergaulannya sesama manusia serta dapat membuat keputusan dengan pantas tentang perkara yang wajib dilakukan dan wajib dihindari dalam pergaulannya. Ia juga boleh disebut sebagai kemampuan berfikir untuk menyediakan manusia dengan idea-idea dan tingkahlaku yang diperlukan dalam perhubungan dengan organisasi. Kebanyakannya adalah berbentuk tasdiqat atau apperceptions yang diperolehi satu demi satu melalui pengalaman, sehingga ia benar-benar dirasakan bermanfaat (Ibnu Khaldun, 1993).

Kecerdasan Nazari pula merujuk kepada mengurus idea-idea atau keinginan-keinginan yang tiada kaitan dengan perbuatan. Ia merupakan kemampuan manusia untuk berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (ilmu) atau andaian (dzan) mengenai sesuatu objek yang melampui persepsi indera tanpa danya tindakan atau praktikal. Ia lebih berbentuk speculative intellect (intelekt spekulatif). Ia terdiri daripada persepsi atau tasawwur (perception) dan tasdiq (apperceptions).

Ianya disusun menurut susunan khusus mengikut keadaan-keadaan yang khusus dan menghasilkan pengetahuan yang lain samada berbentuk perseptif atau apperseptif. Seterusnya semua sekali lagi akan bergabung dengan unsur-unsur lain dan sekali lagi mewujudkan pengetahuan lain yang baru. Peringkat ini seterusnya akan menghasilkan tanggapan-tanggapan, sebab-sebab dan punca-punca yang berbeza-beza. (Ibnu Khaldun, 1993)



Rajah 1.3 : Teori Kecerdasan Menurut Ibn Khaldun (1993)

Berdasarkan kepada teori tahap kecerdasan manusia menurut Ibn Khaldun di atas, maka manusia umumnya memiliki tiga potensi kecerdasan yang berbentuk hierarki dan fungsi yang berbeza tetapi saling berkaitan dan melengkapi antara satu sama lain. Bermula dengan tahap kecerdasan *Tamyizi*, manusia memiliki kemampuan kecerdasan yang asas iaitu pemahaman intelek yang berbentuk tasawwur atau persepsi terhadap persekitaran yang dinamik dan sering berlaku perubahan samada yang dijangka mahupun yang di luar jangkaan. Dalam konteks kajian ini ia termasuk halangan, cabaran dan kekangan yang sentiasa menunggu. Justeru setiap individu telah sedia memiliki kecerdasan ini dan bersedia untuk mencari manfaat dan menolak sebarang kemudaratan

yang datang. Apa yang menjadi keperluan ialah tahap kemampuan itu yang perlu ditambah nilai setiap masa melalui proses-proses pendidikan, pengalaman dan penaakulan yang berterusan.


Seterusnya, manusia akan telah memiliki kemampuan untuk mencari kemanfaatan dan menolak kemudaratan akan menganalisis setiap perubahan, cabaran dan halangan dalam persekitaran kehidupan samada di rumah, tempat kerja, persekitaran dan struktur sosial dalam tahap Tajribi iaitu membezakan yang betul dengan salah, baik atau buruk, sesuai atau janggal untuk diterima ataupun ditolak bagi tujuan meneruskan langkah kerja yang berikut untuk mencapai objektif tugas. Sifat seseorang yang memiliki kecerdasan Tajribi yang tinggi akan secara konsisten menganalisis setiap perubahan atau kesulitan yang timbul dan tidak mengambil keputusan atau tindakan yang tidak bersebab atau tiada justifikasi.

Akhir sekali menurut Ibn Khaldun, manusia akan menggunakan kecerdasan Nazari yang menggabungkan kecerdasan Tamyizi yang membabitkan tanggapan umum sebelum dianalisis pada tahap Tajribi untuk menghasilkan idea, rumusan, tindakan mengurus dan melaksana idea bagi menghadapi sebarang cabaran, halangan, kekangan dan kesulitan samada dengan menambahbaik idea sedia ada atau membina idea baru yang bersesuaian dan berkesan bagi mencapai objektif yang dirancang.

Seseorang yang memiliki kecerdasan Tamyizi ini tidak akan melupakan halangan atau masalah yang pernah timbul melainkan mempelajarinya sebagai persediaan di masa

akan datang. Di sini jelas kelihatan fungsi ketiga-tiga potensi ini saling melengkapi antara satu dengan lain dan membantu individu untuk bersedia menerima, menghadapi, mengurus, dan menyelesaikan sebarang kesulitan yang dihadapi dalam menjalankan tugas.

1.10. Kerangka teoritikal kajian



Rajah 1.4. : *Kerangka Teoritikal kajian Yang menggabungkan Teori Kecerdasan Paul G. Stolz dan Ibn Khaldun .*

Kerangka Teoritikal Kajian ini adalah berasaskan kepada 2 teori utama iaitu Teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran oleh Paul G. Stolz dan Teori Kecerdasan Manusia oleh Ibn Khaldun. Teori Kecerdasan Memecahkan Kesulitan oleh Paul G. Stolz menjurus dan memandu kajian daripada aspek tahap kecerdasan guru terhadap sebaran bentuk kesulitan, halangan, cabaran, masalah yang merintangai tugas harian, sisi kehidupan, fizikal, emosi, kognitif, persekitaran, infrastruktur, rakan sekerja, pelajaran, ibubapa dan masyarakat. Sebahagian guru akan hanya berada di tahap "quitter" kerana faktor-faktor tertentu, sebahagian lagi akan berada di persekitaran "camper" sementara



sebahagian yang memiliki motivasi yang tinggi akan terus sebagai "climber" yang mencapai objektif profesionalnya sebagai guru dan dalam konteks ini merujuk kepada Guru Pendidikan Islam. Ada dua alat penting dalam teori Kecerdasan Menghadapi Kesukaran yang menjadi asas pemboleh ubah kajian iaitu CO₂RE dan LEAD.

CO₂RE merujuk kepada Control (kawalan), Origin (punca) dan Ownership (tanggungjawab), Reach (capaian) dan Endurance (Ketahanan) sementara LEAD adalah cadangan tindakan untuk menghadapi kesukaran oleh Stolz (1997) iaitu Listen atau mendengar permasalahan atau kesukaran, Explore The Origin and Ownership iaitu menentukan punca dan tanggungjawab menghadapi kesukaran, Analyze iaitu analisis setiap masalah dan Do Something atau tindakan menghadapi kesukaran. (Crawford & Chua Tee Teo, 1997)



Sementara itu pandangan Ibnu Khaldun berdasarkan teori kecerdasan manusia merujuk kepada penjenisan kefahaman Guru Pendidikan Islam terhadap tahap kecerdasan mereka dan dalam konteks kajian ini merujuk kepada Guru Pendidikan Islam.

Sebahagian Guru Pendidikan Islam hanya memiliki kecerdasan Tajribi iaitu berbentuk tasawwur atau persepsi-persepsi terhadap kesukaran yang mereka hadapi, sebahagian mereka memiliki kecerdasan Tasdiqat iaitu rencana untuk menentukan idea-idea yang sesuai bagi menghadapi kesukaran atau halangan. Sebahagian manusia dan dalam konteks ini Guru Pendidikan Islam memiliki Kecerdasan Nazori iaitu






gabungan antara kedua-dua tahap kefahaman mereka iaitu persepsi dan apersepsi atau tasdiqat terhadap kesukaran yang timbul.

Aspek lain yang membabitkan tahap kecerdasan ialah aspek faktor kekuatan dan kelemahan pula merujuk kepada pandangan Imam al Ghazali berkaitan kecerdasan manusia yang terdiri daripada beberapa komponen yang berhubung kait iaitu, ruh, kalbu (hati), nafsu dan akal.

Seterusnya aspek langkah tindakan memecahkan masalah adalah merujuk kepada pandangan an Najati (2012) iaitu tingkat kesedaran, analisis masalah, mencadangkan idea langkah pemecahan masalah, saringan terhadap langkah-langkah yang dicadangkan, langkah tindak ikut sebelum pelaksanaan tindakan. Semua pandangan ini adalah berasaskan sejauhmana tahap kesedaran dan sejauhmana tahap kecerdasan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam lingkungan profesion Guru Pendidikan Islam. Seterusnya ia disokong pula oleh Teori Alternatif Pemecahan kesulitan oleh Tohirin (2005) dalam aspek analisis, identifikasi, susun atur dan pelaksanaan sebagaimana yang akan dijelaskan dalam tinjauan literatur.



1.11. Kerangka konseptual kajian



Rajah 1.5. : *Kerangka Konseptual Kajian Kecerdasan Menghadapi Kesukaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam yang disesuaikan daripada Kerangka Konsep Kajian Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti Oleh Baharom Mohamad et al (2008) serta cadangan pemboleh ubah CO₂RE dan LEAD oleh Stolz (1997) dan Shen (2014)*

Kerangka Konseptual kajian pula merujuk kepada peta perjalanan penyelidikan yang dijalankan. Kerangka ini dibina berdasarkan kepada proses kajian serta disesuaikan daripada kerangka konsep Kajian Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar berkualiti oleh Baharom Mohamad et al (2008).

Selain berasaskan kepada 2 teori asas yang memandu perjalanan penyelidikan, faktor penentuan pemboleh ubah merupakan elemen yang amat penting untuk memastikan penyelidikan ini fokus terhadap matlamat dan objektif penyelidikan. Umumnya, pemboleh ubah dalam penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu bersandar dan tidak bersandar.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini merujuk kepada tahap Kecerdasan Menghadapi Kesukaran Guru Pendidikan Islam sebagai kumpulan responden, kesedaran mereka terhadap kesukaran yang dihadapi, aspek persediaan dan juga tindakan mereka untuk menghadapi kesulitan sewaktu menjalankan tugas selain faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti tugas. Inilah yang menjadi tulang belakang kepada kajian ini. Tiga faktor penting yang diberi tumpuan dalam kajian ini ialah faktor politik, ekonomi dan kekeluargaan.

Menurut Susanto (2016), persekitaran politik semasa didapati turut memberi kesan kepada sistem pendidikan sesebuah negara. Beliau menggariskan beberapa aspek yang menghubungkan antara politik yang mewakili pembina dan penggubal dasar pendidikan negara iaitu;

1. Menyediakan aspirasi, nilai dan harapan negara terhadap pelajar melalui dasar, kurikulum dan amalan.
2. Mengurus keutamaan keperluan saiz pendidikan negara dari peringkat asas sehingga pendidikan tinggi
3. Pengurusan sumber perbelanjaan pengurusan, penyelidikan, pembangunan dan latihan.
4. Pengendalian sistem penerimaan, penghargaan pentaksiran
5. Pengurusan kesan mutu pendidikan kepada tingkahlaku politik, ekonomi , sosial dan budaya masyarakat.

Dalam konteks faktor ekonomi pula, kajian Mohd. Nizam (2014) berkaitan perbelanjaan awam terhadap pembangunan pendidikan di Malaysia mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak konsisten antara variabel perbelanjaan kerajaan terhadap sektor pendidikan dengan pencapaian pendidikan. Menurut beliau lagi walaupun kerajaan menunjukkan keghairahan menyediakan peruntukan yang besar iaitu daripada RM 38.7 bilion pada tahun 2013 kepada RM 54.6 bilion pada tahun 2014 tetapi amat penting bagi kerajaan untuk memastikan sumber tersebut dapat digunakan secara efektif dan efisien bagi memastikan impak yang signifikan kepada proses pendidikan terutama di peringkat sekolah. Kajian ini cuba melihat sejauhmana faktor ekonomi negara memberi impak kepada motivasi Guru Pendidikan Islam melaksanakan tugas. Secara umumnya pertambahan tuntutan ekonomi akan menyebabkan berlakunya peningkatan kepada beban tugas termasuk aspek masa, tekanan dan tingkahlaku terutama bagi yang berkeluarga (Siti Aisyah Panatik et.al 2012)

Sementara itu dalam aspek kekeluargaan pula, kajian oleh Aisyah Panatik et.al (2012) berkaitan konflik kerja-keluarga, kesihatan mental dan kecenderungan tukar ganti kerja dalam kalangan guru telah memberikan gambaran tentang wujudnya konflik kerja-keluarga dalam kalangan guru. Kajian ini telah menyediakan maklumat kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merangka program yang dapat membantu guru menguruskan konflik yang berlaku dengan baik.

Justeru kajian akan cuba memberi tumpuan berkaitan faktor kekeluargaan dengan kecerdasan dalam menghadapi kesukaran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam.

Pembolehubah tidak bersandar pula merujuk kepada 3 aspek iaitu jantina, pengalaman mengajar, dan taraf kelayakan ikhtisas yang bertujuan untuk melihat dan menentukan latar belakang kumpulan responden penyelidikan ini disamping membuat analisis inferensi bagi melihat kewujudan perbezaan tahap kecerdasan Guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina, tempoh pengalaman mengajar dan taraf kelayakan ikhtisas. Rasional pemilihan aspek pembolehubah tidak bersandar adalah berdasarkan kepada Shen (2014) yang menjalankan kajian berkaitan kesan pembolehubah demografi terhadap Kecerdasan Menghadapi Kesukaran.

Jadual 1.1 : *Konsep Pemboleh ubah kajian KMK oleh Shen C.Y. (2014)*

Dimensi	Pembolehubah	Keterangan	Sumber Alat Pengukuran
AQ	C Control Ability (Kemampuan Mengawal)	Tahap kemampuan untuk menghadapi dan mengawal kesukaran	Skala AQ Stolz (1997)
	O ₂ Original Ownership	Sebab dan faktor kesukaran, punca, pihak terbabit, Kecerdasan dan kemampuan untuk megambil tanggungjawab serta tidak menyalahkan pihak lain dalam menghadapi kesukaran	
	R Reach (Ruang lingkup dan Capaian)	Aspek yang berkaitan dengan Kecerdasan Menghadapi kesukaran Individu	
	E Endurance (Daya tahan)	Tempoh kesukaran yang dihadapi	
Pemboleh ubah demografi	Gender (Jantina)	Gender of the subjects	Susunan pengkaji berdasarkan Shen, Chao Ying (2014)
	Age (umur)	Umur subjek ; Kurang 30 tahun, 31- 40 tahun, 41 – 50 tahun, dan lebih 50 tahun.	
	Seniority (kekananan)	Kurang 3 tahun, 3-5 tahun, 5-10 tahun, Lebih 5 tahun	
	Educational background (Latar belakang pendidikan)	Latar belakang pendidikan subjek termasuk akademik, tenikal, vokasional, sekolah, kolej, Universiti.	



Dalam konteks metodologi, penyelidikan ini terbahagi kepada dua aktiviti utama iaitu pertama, taburan soalselidik untuk responden iaitu Guru Pendidikan Islam . Disamping itu, aktiviti kedua, penyelidik melihat perlunya kepada pandangan dan soaljawab terhadap konstruk dan aspek-aspek kajian dengan menjalankan sesi temubual bersama dengan sebahagian responden bagi mengukuhkan objektif dan matlamat penyelidikan yang dijalankan.

Hasil soalselidik yang telah dikumpul semula akan dianalisis melalui perisian *SPSS versi 20* sementara temubual pula akan dianalisis secara manual dengan kerjasama serta pandangan oleh penyelia supaya tidak terkeluar daripada objektif dan matlamat kajian. Tidak semua hasil temubual akan dimasukkan dan hanya yang bersesuaian akan dipilih untuk dimasukkan dalam laporan hasil dan dapatan kajian.

Akhirnya penyelidikan ini akan melaporkan dapatan kajian dan mencadangkan beberapa langkah untuk penambahbaikan serta cadangan kajian lanjutan yang berkaitan dan bersesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan.



1.11. Definisi istilah

1.11.1. Kecerdasan Menghadapi Kesukaran

Kecerdasan Menghadapi kesukaran (Adversity Quotient) merupakan idea atau gaagsan yang mengatakan bahawa usaha, bakat, kemahuan, sifat , kesihatan, genetik, pendidikan dan keyakinan adalah merupakan kunci bagi kejayaan manusia (Taufik Pasiak, 2002).

Stolz merujuk Kecerdasan Menghadapi Kesukaran sebagai kemampuan seseorang ketika menghadapi kesukaran. Ia merupakan hasil lebih 500 kajian selama 30 tahun dalam bidang psikologi iaitu psikolgi kognitif (keupayaan dan bentuk menghadapi kesukaran, psikoneuroimmunologi (hubungan kesihatan mental dan fizikal manusia) dan neurofisiologi (kajian berkaitan otak) (Rachmat Taufiq, 2007).

Kecerdasan Menghadapi Kesukaran menurut Stolz lagi terbahagi kepada tiga definisi iaitu pertama mengenai kerangka konsep memahami dan meningkatkan daya usaha untuk mencapai kejayaan. Kedua, ia merujuk kepada satu bentuk pengukuran untuk mengetahui tindak balas atau respon individu terhadap masalah atau kesukaran yang dihadapi. Ketiga ia merupakan satu alat yang dibina berdasarkan kajian ilmiah yang bertujuan untuk memperbaiki tindak balas seseorang terhadap kesukaran yang dihadapi (Rachmat Taufiq, 2007)

Selain itu, Kecerdasan Menghadapi Kesukaran menurut Stolz (1997) mengandungi 4 dimensi CO₂RE iaitu control (daya kawalan terhadap kesukaran), origin dan ownership (punca dan pengakuan), reach (capaian atau jangkauan tahap kesukaran)



dan endurance (daya tahan dalam menghadapi kesukaran). Pada Tahun 2000, Stolz telah memasukkan origin sebagai sebahagian daripada ownership dengan menjadikan ia kepada CORE (Rachmat Taufiq, 2007).

1.11.2. Guru Pendidikan Islam

Guru Pendidikan Islam merujuk kepada kumpulan guru yang menerima latihan ikhtisas pengkhususan dalam Pendidikan Islam samada di Institut Pendidikan Guru, Maktab Perguruan atau Institusi Pengajian Tinggi. Sebahagian mereka ada yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di Institusi Pengajian Tinggi.



Tohirin (2005) memperincikan Guru Pendidikan Islam sebagai mereka yang mengajar perkara yang berkaitan dengan Islam sebagai penerus tugas Rasulullah saw. Guru pendidikan islam menjadi posisi kunci atau peranan utama untuk membentuk keperibadian atau akhlak muslim yang sejati.

Noor Hisham Md. Naw, (2011), dalam mengupas pengertian pendidikan berdasarkan konteks bahasa Arab yang sudah tentu amat signifikan dan berkaitan khususnya terhadap proses memahami konsep Pendidikan Islam termasuk dimensi Guru Pendidikan Islam. Dalam bahasa Arab, terdapat beberapa istilah yang sering digunapakai untuk membawa maksud pendidikan. Istilah tersebut ialah al tarbiah, al ta'lim, al ta'dib, dan al tadris. Setiap satu perkataan ini akan membawa maksud yang tersendiri mengikut kesesuaian penggunaan makna bahasa berdasarkan konteks dan situasi.



Oleh yang demikian takrif dan kefahaman terhadap makna dan peranan Guru Pendidikan juga merujuk kepada prinsip yang sama:

1. Al Tarbiah

daripada sudut bahasa bermakna memberi makan atau memelihara. Pelakunya merujuk kepada Murabbi atau pemelihara. Dedeng Rosidin (2003) mentakrifkannya sebagai proses pengembangan, pemeliharaan, penyampaian ilmu, pemberian petunjuk dan bimbingan untuk jasad, akal dan jiwa. Penelitian makna pendidikan berdasarkan bahasa Arab banyak berkaitan dengan konsep Pendidikan Islam. Justeru dalam konteks Murabbi, Guru Pendidikan Islam merupakan seseorang yang dipertanggungjawabkan oleh masyarakat untuk memelihara, memandu dan membimbing serta memberi petunjuk kepada pelajar untuk mencapai objektif khusus iaitu pembelajaran dan objektif umum iaitu kejayaan di dunia dan akhirat.

2. Al Ta'lim

At Ta'lim merujuk kepada aktiviti memberitahu, mengkhabarkan, menerangkan secara berulang-ulang sehingga dapat memahami maknanya dan berkesan dalam diri pelajarnya. Menurut Dedeng Rosidin (2003) at ta'lim adalah proses pemberitahuan sesuatu secara berulang-ulang dan diiringi dengan penjelasan sehingga pelajar dapat mengetahui dan memahami makna serta memberi kesan pada dirinya. Ia juga merupakan proses pembinaan intelektual yang mendorong kepada amalan bermanfaat dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah. Secara umumnya al ta'lim berlaku kepada orang dewasa dan juga berlaku kepada haiwan.

Kesimpulannya al ta'lim adalah proses mengajar sesuatu dengan memberi penjelasan sehingga pelajar dapat memahami, mengambil manfaat dan mengamalkannya. Dalam konteks ini, Guru Pendidikan Islam dinamakan sebagai Mu'allim iaitu mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan penjelasan kepada pelajar sehingga pelajar dapat menerima maklumat serta mengaplikasinya dalam konteks pembelajaran dan seterusnya dalam kehidupan seharian.

3. Al Tadrīs

At tadrīs pula berasal daripada perkataan bahasa Arab "*darasa*" (د ر س) yang bermakna terhapus, memaafkan, atau menghilangkan dalam erti kata secara langsung. Ia menunjukkan maksud melakukan pekerjaan secara berulang-ulang. Ringkasnya ia bermaksud terhapus, menghapus, hilang bekas, memaafkan atau menghilangkan. Dalam konteks makna kiasan ia membawa maksud membaca tulisan atau sesuatu secara berulang-ulang sehingga dihafal. Ia juga membawa makna membacakan tulisan atau sesuatu secara berulang-ulang sehingga mudah dihafal atau dengan kata lain bermaksud "menghafal".

Oleh itu, dengan kata lain, at tadrīs merujuk kepada kegiatan yang dilakukan oleh guru secara berulang-ulang supaya mudah dihafal oleh muridnya disamping diikuti dengan aktiviti penjelasan, penghuraian dan perbincangan sehingga menjadikan pelajarnya mampu berkembang secara mandiri atau ke tahap mampu mengkajinya sendiri. Ia juga dikaitkan dengan proses bergantian atau bergiliran seperti ungkapan "tadarrus al Quran" dan tujuannya untuk mendapatkan keredhaan Allah.

Sebagai seorang Mudarris, Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pembelajaran secara berulang-ulang sehingga objektif pembelajaran dapat dicapai dan memberi kesan perubahan kepada pelajar kepada tahap berkeupayaan untuk mengembangkan ilmu yang diperolehi ke tahap yang lebih tinggi.

4. Al Ta'dib

At ta'dib secara umum merujuk kepada kata dasar "adaba" (ا د ب) yang membawa erti sama dengan "du'a" (د ع ا) iaitu undangan atau seruan. Ia juga merujuk kepada erti budi pekerti yang baik, perilaku terpuji dan tatalaku yang bersopan. Menurut Dedeng Rosidin (1987) , al ta'dib adalah penanaman akhlak pada diri individu supaya berhati bersih dan berperilaku baik berlandaskan syariat Allah untuk mencari keredhaanNya. Ia mencakupi gabungan ilmu dan amal dan berlaku kepada manusia pada semua peringkat umur dan pada konteks haiwan ia bermakna melatih. Kesimpulannya dari segi bahasa, *al ta'dib* bermaksud upaya mendidik akhlak seseorang supaya berjiwa bersih, berbudi pekerti baik, berperilaku terpuji, berdisiplin dan beradab.

Istilah adab pada permulaan tamadun Islam digunakan untuk membawa makna umum iaitu semua ilmu pengetahuan yang dihasilkan oleh akal samada yang ada hubungan dengan islam atau tidak. Ia juga membawa maksud pendidikan sebagaimana yang digunakan hari ini. Pada satu tempoh penggunaanya mula berubah kepada konteks yang lebih kecil dan terhad khusus kepada ilmu yang berkaitan dengan kesusasteraan, etika profesional dan kemasyarakatan.

Dalam konteks Muaddib, Guru Pendidikan Islam merupakan mereka yang diberi tanggungjawab untuk menanam, membina, menyubur, melatih dan mengukur adab pelajar supaya mencapai standard atau tahap yang diperakui menurut konteks Islam samada dari segi perkataan, perlakuan, amalan yang boleh mendorong pelajar untuk mencapai kesejahteraan emosi, rohani, jasmani dan intelek di dunia dan akhirat.

Pandangan Ulama silam Iman Ghazali, Al Qabisi serta sarjana era moden dirumuskan oleh Mohamad Qosim (2008) yang mensyaratkan Guru Pendidikan Islam memiliki 4 kompetensi iaitu kompetensi pedagogik religius, kompetensi keperibadian religius, kompetensi sosial religius dan kompetensi profesional religius. Kata religius ini merujuk kepada hubungan fungsi keguruan melibatkan nilai-nilai Islam sebagai ruh bagi menjalankan proses pendidikan dan bagi menghadapi segala cabaran dunia pendidikan.

Kesimpulannya berdasarkan konteks kajian, Guru Pendidikan Islam merujuk kumpulan guru yang mendapat latihan ikhtisas Pendidikan Islam yang menjalankan tanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah serta berlandaskan nilai-nilai Islam sebagai asas atau dasar sistem pendidikan.

1.13. Definisi Operasional

1.13.1. Kecerdasan Menghadapi Kesukaran

Kecerdasan Menghadapi kesukaran dalam konteks kajian merujuk kepada nilai ukur (measurement) tahap kemampuan untuk menghadapi kesukaran seseorang Guru

Pendidikan Islam. Kecerdasan Menghadapi Kesukaran dalam konteks ini diukur dan disesuaikan berdasarkan Model CO₂RE iaitu Control (kawalan), Origin (ketulenan), Ownership (pemilikan), Reach (kecapaian) dan Endurance (ketahanan) sebagaimana menurut Stolz (1997).

Guru Pendidikan Islam yang memiliki tingkat Kecerdasan Menghadapi Kesukaran tinggi akan tetap bersemangat menghadapi dan menjalani kehidupan ini, sekalipun berbagai rintangan dan cabaran harus dilalui. Sementara itu, seseorang yang memiliki tingkat Kecerdasan Menghadapi kesukaran rendah akan mudah putus asa dan mudah menyerah dalam menghadapi kesukaran.

Dalam konteks kajian ia merupakan satu bidang kajian berkaitan daya tahan (*resilience*) guru-guru berhadapan dengan pelbagai bentuk kesukaran (*multifaceted task*) ketika menjalankan tugas (Bautista, 2015).

1.13.2. Guru Pendidikan Islam

Guru Pendidikan Islam dalam konteks kajian merujuk kepada kumpulan Guru Pendidikan Islam yang telah mengikuti latihan ikhtisas dalam pengkhususan Pendidikan Islam samada Sijil Asas Perguruan (SAP) atau Diploma Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Pendidikan Islam. Kumpulan ini juga adalah yang dilantik dan diberi tanggungjawab melaksanakan proses pengajaran dan perkara yang berkaitan kurikulum Pendidikan Islam.

Guru Pendidikan Islam dalam konteks kajian ini adalah khusus di sekolah Kebangsaan dan tidak termasuk kumpulan pengurusan atau pentadbiran sekolah serta tidak mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil.

1.14. Rumusan

Sebagai rumusan dalam aspek teori yang digunakan untuk penyelidikan ini, penyelidik merangkumkan 5 teori utama yang berkaitan iaitu Teori Kecerdasan Menghadapi Kesulitan oleh Paul G Stolz, Teori Kecerdasan Ibnu Khaldun, Teori Kecerdasan Akal Manusia oleh Al Ghazali, Cadangan Langkah Pemecahan Masalah oleh an Najati dan Alternatif Pemecahan Kesulitan oleh Tohirin.

Berdasarkan 5 teori berkenaan, dapat diumuskan beberapa ciri keperibadian yang dapat dimasukkan ke dalam maksud kecerdasan manusia dalam menghadapi cabaran atau kesukaran ketika bekerja. Dalam konteks penyelidikan ini maksud yang cuba dicapai ialah kecerdasan Guru Pendidikan Islam dalam menghadapi kesukaran ketika menjalankan tugas sebagai pendidik. Ciri-ciri tersebut berdasarkan Golemen ialah disiplin diri, dinamisme ketika bekerja, kesungguhan atau kerja keras, kemampuan bekerja dengan cepat serta kemampuan bekerja di dalam tekanan.

Selain itu, berdasarkan Stolz (1997) , ciri yang dinyatakan ialah budi dan akhlak, yakin kepada Tuhan (keimanan), kegigihan, tindak balas, kepekaan, daya kerja, kesihatan, inovasi, akauntabiliti, fokus kepada tugas, serta keberkesanan kerja. Beliau



juga memberikan pilihan samada bersifat mudah putus asa (quitter), bertanggung (camper) ataupun pendaki (climber) yang merujuk kepada seseorang yang tetap dan komited dengan tugas walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

Sementara berdasarkan Teori Kecerdasan Ibnu Khaldun dapat di perincikan beberapa aspek kecerdasan yang perlu ada pada seorang Guru Pendidikan Islam ketika menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas. Aspek yang dimaksudkan melalui kecerdasan Tamyizi ialah, kemampuan menerima objek atau maklumat luar, menilai dan mencari keistimewaan daripada elemen luar, mengambil manfaat daripada situasi luar dan mencegah kemudaratan daripada situasi luar.



Melalui kecerdasan Tajribi, aspek yang berkaitan ialah menyaring, menganalisis dan menentukan baik atau buruk sesuatu situasi yang muncul serta tahap kepantasan untuk membuat keputusan yang tepat dan betul.

Seterusnya Ibnu Khaldun turut menyatakan kepentingan Kecerdasan Nazori dalam maksud kecerdasan menghadapi kesukaran ini iaitu merujuk kepada kecekapan dan kemampuan tinggi seseorang dalam mengurus idea-idea atau keinginan-keinginan yang tiada kaitan dengan perbuatan atau bidang tugasnya. Ini antaranya lain merujuk kepada keinginan fisiologi, naluri fitrah ataupun kecenderungan kearah sesuatu aktiviti yang tidak berhubung kait dengan tugasnya sebagai pendidik yang mungkin boleh mempengaruhi kompetensi dan tahap kemampuan untuk menghadapi sebarang cabaran mahupun halangan ketika bekerja.





Sementara dalam cadangan an Najati, turut diambil kira untuk membantu membina susun atur dan langkah untuk menyelesaikan masalah dan cabaran atau halangan dalam melaksanakan tugas dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Akhir sekali pandangan Tohirin yang membabitkan aspek analisis, identifikasi, susun atur dan pelaksanaan langkah penyelesaian. Selain itu bab 1 ini juga menghuraikan beberapa definisi istilah yang digunakan dan yang berkaitan dengan kajian Kecerdasan Menghadapi Kesukaran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di Negeri Perak ini. Antaranya konsep pendidikan, pendidikan islam, pengajaran dan pembelajaran, kecerdasan daripada sudut psikologi dan perspektif Islam serta beberapa perkara yang berkaitan dengan profesionalisme pendidikan dan Guru Pendidikan Islam.



Bab ini juga telah menghuraikan beberapa definisi istilah dan definisi operasional berkaitan penyelidikan tentang kecerdasan menghadapi kesukaran dalama kalangan Guru Pendidikan Islam di negeri perak. Bab ini amat penting kerana ia memandu perjalanan penyelidikan dan memastikan jajaran penyelidikan tidak terkeluar daripada matlamat dan objektif yang ditetapkan. Disamping itu penyelidik cuba merumuskan konsep pendidikan dari perspektif yang menyeluruh tetapi melibat setiap komponen di dalamnya iaitu melihat tarbiah sebagai matlamat, tadris sebagai proses eksplisit, taalim sebagai proses implisit, sementara ta'dib sebagai kesan pendidikan.

Proses tadris membabitkan soal kandungan silibus, teori pengajaran dan teori pembelajaran, isi kandungan pelajaran, metodologi pengajaran, aktiviti yang dijalankan, proses PdP, latihan, pengukuran serta pentaksiran.



Proses Taalim pula menumpukan proses implisit membabitkan perpindahan pengalaman dan konstruk idea, perubahan tingkahlaku, pentaakulan, penalaran, pengajaran (ibrah), kefahaman, adaptasi, refleksi dan proses sendiri murid.

Ta'dib pula dilihat sebagai gabungan kesan eksplisit dan implisit yang diterima dan dicapai oleh murid untuk jangka masa pendek atau jangkamasa pabjang, terhenti atau berterusan, dibawah kesedaran atau diluar sedar membabitkan tingkah laku, tindak balas dan persepsi terhadap persekitaran.

Tarbiah pula lebih berupa gabungan matlamat eksplisit dan implisit proses-proses pendidikan yang dicapai bagi membina struktur perubahan diri melalui komponen keyakinan (iman), kefahaman (ilmu), perlakuan (amal) dan akhlak tingkahlaku (ihsan) yang konsisten dengan wahyu dan sifat kemanusiaan.